

SESI PENILAIAN TAPAK (AUDITAN) BAGI PENARAFAN BINTANG MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT (MyRA®) TAHUN 2015

Pada 02 Jun 2016, bertempat di Hotel Everly Putrajaya, telah berlangsung Sesi Penilaian Tapak (Auditan) Data MyRA® 2015. Selaku Sekretariat, Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) telah melantik beberapa pegawai universiti dari pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebagai Auditee, merangkap pemilik data MyRA® dan pegawai-pegawai Pusat Teknologi Maklumat (PTM) bagi sistem sokongan IT. Delegasi universiti telah diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Hashim Saim dengan dibantu oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pembangunan), Profesor Madya Dr. Mohd. Amri Lajis. Manakala Ketua Sekretariat adalah Timbalan Pendaftar ORICC, Puan Hawa Omar.



Proses auditan pada kali ini melibatkan seramai tujuh penilai yang diketuai oleh Profesor Dr. Normah Omar. Panel Penilai lain terdiri daripada Dato' Profesor Emeritus Dr. Muhamad Yahaya, Profesor. Dr. Mazlina @ Norzila Mat Zain, Profesor Dr. Mohd Adzir Mahdi, Profesor Dr. Naomie Salim, Profesor Dr. Rahmah Noordin dan Profesor Dr. Wan Ruslan Ismail. Sesi auditan dimulakan pada jam 9.00 pagi dengan sesi pembukaan oleh Ketua Auditor Profesor Dr. Normah Omar, diikuti dengan ucapan aluan daripada Profesor Dr. Hashim Saim. Manakala sesi penutup berlangsung pada jam 3.30 petang.



MAJLIS KHATAM AI-QURAN DAN PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK ORICC

Pada 21 Jun 2016, Kelab RICC, Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) telah mengadakan Majlis Khatam Quran dan Pengagihan Bubur Lambuk ORICC. Majlis dimulakan dengan sesi foto raya melibatkan semua staf, diikuti dengan sesi penyediaan bubur lambuk di Ruang Kafeteria ORICC. Bagi mengimarahkan lagi bulan Ramadhan, Majlis Khatam Quran telah diadakan dengan menjemput Encik Mohd. Loffi Solihan untuk mengetuai bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. Turut hadir adalah Profesor Dr. Hashim Saim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Majlis diakhiri dengan pengagihan bubur lambuk kepada seluruh warga kerja ORICC. Semoga ukhuwah yang terjalin bertambah erat dan berkekalan.



Salam Syawal 1437 H

Takbir bergema memecah sunyi,
Mengundang rasa keffiflasan di hati
Ampun dan maaf diptoni
Agar segala keffiflasan dapat diampuni

Selamat Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir dan Batin

Ditujukan:
Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi,
Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN (BPK)

INSTITUT KEJURUTERAAN INTEGRASI (IFE)

PUSAT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)

PUSAT INOVASI PENGKOMERSILAN DAN PERUNDINGAN (IC)